



## **"CEGAH KEMUNGKARAN RAIH KEBERKATAN".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرِيمٍ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ كَانُوا لَا يَتَنَاهُوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبَيْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ <sup>1</sup></p> <p>أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p> <p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	2 3 4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib ingin mengajak para Jemaah sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk "<b>CEGAH KEMUNGKARAN RAIH KEBERKATAN</b>".</p>	6
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 78-79 yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan."</i></p>	7

<sup>1</sup> Al-Maidah : 78-79.



Menurut Tafsir al-Maraghi, Allah SWT melaknat kaum Bani Israil yang terus menerus mengerjakan perbuatan dosa dan mengingkari agama. Ini kerana, sudah menjadi tabiat mereka tidak mahu mencegah akan perbuatan mungkar, meskipun ia berbahaya dan sangat keji.	8
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Sedarlah bahawa tanggungjawab membendung kemungkaran ini adalah merupakan tanggungjawab kita semua. Malah ajaran agama mengaitkannya dengan iman seseorang. Hadis darpada Abu Said al-Khudri Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ</p>	9
<p>"Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat suatu kemungkaran, maka dia hendaklah mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan lidahnya, sekiranya dia tidak mampu juga, maka dengan hatinya. Perkara yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."</p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	10
Sejauh manakah kepekaan kita terhadap maksiat yang berlaku di sekeliling kita? Tahukah kita bahawa Statistik Aduan Mengikut Kesalahan bagi tahun 2018 yang direkodkan oleh Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunjukkan bahawa kesalahan khalwat adalah kesalahan jenayah syariah paling tinggi dengan jumlah aduan sebanyak 873 diikuti dengan kesalahan persetubuhan luar nikah sebanyak 65 aduan, kesalahan tidak menghormati Ramadan sebanyak 60 aduan dan kesalahan berjudi sebanyak 49 aduan.	11
Manakala Statistik Tangkapan Mengikut Kesalahan bagi tahun 2018 pula menunjukkan kesalahan khalwat sekali lagi tersenarai pada kedudukan yang tertinggi dengan jumlah sebanyak 940 tangkapan diikuti dengan kesalahan berjudi sebanyak 80 tangkapan, kesalahan tidak menghormati Ramadan sebanyak 48 tangkapan dan kesalahan persetubuhan luar nikah sebanyak 37 tangkapan. Persoalannya sekarang adakah kita rela berdiam diri menanti laknat dan celaan daripada Allah SWT? Atau sesuatu perlu kita lakukan? Dan apakah tindakan kita dalam menangani penularan gejala mungkar yang sedang berlaku tersebut?	12

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**



Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) selaku pihak berwajib di negeri ini sentiasa komited dan proaktif membanteras perlakuan-perlakuan mungkar yang diadukan oleh masyarakat di luar sana. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya jika tidak mendapat sokongan dan kerjasama yang padu daripada kalangan kita semua.	13
Peranan kita sebagai anggota masyarakat hendaklah memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa, memberikan maklumat yang tepat, mengadakan muafakat sesama jiran tetangga bagi membasmi kemungkaran di kejiranan masing-masing, menghidupkan budaya saling menasihati bahkan mengajak kepada kebaikan adalah suatu yang amat dituntut.	14
Kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat adalah disebabkan kekurangan penerapan nilai-nilai iman dan kelemahan dalam pendidikan terutamanya pembangunan sahsiah. Hal ini sangat berkait rapat dengan peranan yang perlu dimainkan oleh guru-guru di sekolah dan ibu bapa di rumah. Ibu bapa dan guru perlulah menjadi contoh dan qudwah hasanah iaitu ikutan yang baik kepada anak-anak dan para pelajarnya. Tidak mungkin remaja yang soleh dan baik lahir daripada pendidiknya orang yang melakukan kemungkaran. Peribahasa Melayu mengatakan, "Bapa kencing berdiri, anak kencing berlari."	15
Hakikatnya, semua pihak memainkan peranan tersendiri dalam usaha mengajak kepada makruf dan mencegah kemungkaran. Inilah intipati daripada firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 71 yang perlu sama-sama kita berikan perhatian:	
<p style="text-align: center;">وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوَةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرَ حَمْمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ</p>	16
<p><i>"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."</i></p>	17



<p>Disinilah pentingnya masyarakat untuk memahami bahawa tanggungjawab mencegah kemungkaran supaya ianya tidak menjadi barah dalam masyarakat yang merebak dan sukar dibanteras. Inilah rahmat yang dijanjikan oleh Allah kepada mereka yang sentiasa melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.</p>	18
<p><b>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</b></p> <p>Sekiranya terdapat aduan tentang kesalahan jenayah syariah yang berlaku di negeri ini, bolehlah disalurkan kepada pihak Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS melalui talian HOTLINE 1800-88-2424 yang dibuka 24 jam sehari dan 365 hari setahun. Selain itu, aduan juga boleh disalurkan melalui aplikasi <i>Hotline JAIS</i> yang boleh dimuat turun di Google Playstore atau App Store atau boleh juga datang terus ke kaunter Hotline JAIS di Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 5, Shah alam.</p>	19
<p>Cita-cita kita adalah mengimpikan negara, negeri, masyarakat, keluarga dan diri kita bebas daripada sebarang kemungkaran terhadap Allah SWT. Segala tanggungjawab ini tidak hanya terbeban kepada pihak tertentu dan berwajib sahaja, sebaliknya ia suatu kewajipan ke atas setiap manusia yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Semoga usaha-usaha ini akan membina suasana yang kondusif dan aman dengan berpaksikan persekitaran yang soleh untuk mencapai matlamat Baldatun Taiyibatun Wa Rabbun Ghafur.</p>	20
<p><b>Hadirin sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati perkara-perkara penting berikut supaya menjadi panduan dalam hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa tugas menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkaran adalah suatu kewajipan.</li><li>2. Umat Islam yang menolak apa jua unsur-unsur kemungkaran akan memperolehi rahmat dan meraih keberkatan daripada Allah SWT.</li><li>3. Umat Islam yang terus menerus membiarkan kemungkaran berleluasa akan mendapat lakan dan celaan daripada Allah SWT.</li></ol>	21



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَبَعُوا حُطُوتَ الشَّيْطَنِ وَمَن يَتَبَعَ حُطُوتَ الشَّيْطَنِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَى مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ

22

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha mengetahui."

(al-Nur : 21).

23

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتْهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

28

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

29



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّهُ إِلَيْهِ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِرِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ。وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّتِكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيْكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِيْكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلاَغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَىيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا	9
مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغٌ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。	10
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	11
Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Millah Abraham. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	13
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	14
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٣﴾	15
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15